

# ANPRODRYL SYRUP

Diphenhydramine Hydrochloride/Ammonium Chloride (12.5mg/125mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Anprodryl Syrup
2. Bagaimana Anprodryl Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Anprodryl Syrup
4. Cara menggunakan Anprodryl Syrup
5. Semasa menggunakan Anprodryl Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Anprodryl Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Anprodryl Syrup

Ia digunakan untuk kawalan batuk, hidung tersumbat, bersin, aliran air mata dan kesesakan saluran pernafasan yang disebabkan oleh keadaan selsema dan alergic.

## Bagaimana Anprodryl Syrup berfungsi

Diphenhydramine hydrochloride tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai antihistamin. Ia berfungsi dengan menyekat kesan sebatian semula jadi dalam badan, yang dikenali sebagai histamin yang dilepaskan semasa reaksi alahan. Ammonium chloride menggalakkan batuk produktif dengan meningkatkan jumlah rebusan saluran pernafasan.

## Sebelum menggunakan Anprodryl Syrup

### - Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergi (hipersensitif) kepada diphenhydramine hydrochloride dan antihistamin lain yang serupa.
- Jika anda sedang menyusukan anak.
- Pada bayi pramatang, bayi cukup bulan

### - Sebelum menggunakan Anprodryl Syrup

Anda harus beritahu doktor anda sekiranya:

- Anda alergik terhadap ubat yang anda pernah ambil untuk merawat keadaan semasa anda.
- Anda hamil, atau sedang cuba untuk hamil atau sedang menyusukan anak.

Harus diguna dengan berhati-hati pada orang yang mengalami keadaan seperti:

- Glaukoma sudut tutup – keadaan tiba-tiba dan menyakitkan di mata serta penglihatan kabur yang disebabkan oleh peningkatan tekanan yang disebabkan oleh penyumbatan cecair berair.
- Penyakit hati
- Hipertiroidisme – suatu keadaan di mana kelenjar tiroid yang terlalu aktif dan menyebabkan hormon tiroid berlebihan.
- Penyakit jantung dan saluran darah
- Tekanan darah tinggi
- Pengekalan kencing
- *Prostatic hyperplasia* – pembesaran benigna prostat.
- Halangan *pyloroduodenal* – halangan yang berkaitan dengan bukaan perut dan usus kecil.
- Sawan
- *Porphyria* – gangguan genetik yang dicirikan oleh kehadiran jumlah besar *porphyrins*, suatu jenis pigmen dalam darah dan air kencing.
- Sejarah asma

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor dan ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat, termasuk tonik herbal, pelengkap tambahan dan ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil:

- Barbiturates, hypnotics, anxiolytic sedatives (ubat yang digunakan untuk menghasilkan kesan penenang)
- Opioid analgesics (ubat yang digunakan untuk mengurangkan rasa sakit)
- Antipsychotics (ubat yang digunakan untuk merawat penyakit sakit mental)
- Monoamine oxidase inhibitors (ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan)

## Cara menggunakan Anprodryl Syrup

Sentiasa mengambil ubat dengan tepat seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Anda perlu merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti. Ambil ubat ini melalui mulut sahaja.

### - Berapa banyak harus digunakan Dewasa

Satu hingga dua sudu teh (5-10ml), tiga hingga empat kali sehari.

### Kanak-kanak (2-12 tahun)

2.5-5ml tiga hingga empat kali sehari atau 5mg per kg berat badan dalam dos-dos yang terbahagi.

**Tidak dibenarkan untuk diguna pada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.**

### - Bila perlu digunakan

Menggunakan ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan  
Terus mengguna Anprodryl Syrup untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan
  - Sekiranya anda lupa satu dos, ambil dos itu dengan segera.
  - Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos yang berikutnya, abaikan dos yang terlepas.
  - Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)  
Simptom-simptom dan tanda-tanda seperti atropine, kekeringan mulut, anak mata mengembang dengan tetap, memerah dan simptom gastrousus mungkin terjadi.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda berfikir anda atau sesiapa mungkin telah mengambil berlebihan ubat ini. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

### **Semasa menggunakan Anprodryl Syrup**

- Perkara yang perlu dilakukan  
Hubungi doktor jika simptom-simptom anda bertambah buruk atau tiada perubahan. Beritahu doktor sekiranya anda hamil semasa mengambil Anprodryl Syrup.
- Perkara yang tidak boleh dilakukan  
Jangan beri Anprodryl Syrup kepada orang lain walaupun simptom mereka seolah-olah serupa ataupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

Doktor anda telah mempreskripsikan Anprodryl Syrup untuk anda dan keadaan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
  - Anprodryl Syrup boleh menyebabkan mengantuk. Elak daripada memandu atau mengendalikan mesin.
  - Harus diguna dengan berhati-hati pada orang tua (lebih kurang 60 tahun atau ke atas).
  - Anprodryl Syrup tidak boleh diguna pada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.
  - Anprodryl Syrup mesti diguna dengan berhati-hati dan mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi untuk kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun.

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti kebanyakan ubat, Anprodryl Syrup mempunyai kesan sampingan walaupun bukan semua orang yang mendapatnya. Kesan sampingan berikut mungkin terjadi dengan ubat ini:

Mengantuk, pening, penyelarasan badan terganggu, sakit kepala, kemerosotan psikomotor (pemikiran yang perlahan dan pengurangan pergerakan fizikal individu), kesan-kesan antimuskarinik (kekeringan mulut, rembesan mukus yang bertambah likat, penglihatan kabur, kesukaran dan pengejalan kencing, sembelit, peningkatan refluks gastrik), gangguan gastrousus yang sekali-sekala berlaku (loya, muntah, cirit-birit, sakit epigastrik).

Sekiranya mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda was-was atau

untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Anprodryl Syrup**

- Penyimpanan  
Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Anprodryl Syrup patut disimpan dalam bungkusan asal pada tempat yang kering.

Simpan di bawah suhu 30°C dalam bekas yang ditutup rapat. Lindungi daripada cahaya, kepanasan dan kelembapan.

### **Jauhi daripada kanak-kanak.**

- Pelupusan  
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk  
Cecair berwarna karamel dengan rasa manis dan perisa prun.
- Bahan-bahan kandungan
  - Bahan aktif  
Setiap 5ml mengandungi bahan aktif, Diphenhydramine Hydrochloride 12.5mg dan Ammonium Chloride 125mg.

- Bahan tidak aktif  
Bahan–bahan lain termasuk propylene glycol, sucrose suspension grade, sodium citrate, citric acid hydrous, sodium benzoate, xanthan gum, menthol, perisa prune dan caramel.

- Nombor MAL  
MAL08042468AZ

**Pengilang dan Pemegang  
Pendaftaran Produk**

Malaysian Pharmaceutical Industries  
Sdn Bhd.  
Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa,  
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

12/04/2017

**Nombor Siri:**

BPFK(R4/1)290317/00040